



SEKOLAH Kebangsaan Kampung Panjang, Tanah Merah, Kelantan terpaksa ditutup ekoran jalan utamanya ditenggelami air semalam.

um 09/01/07

- Gambar ZAKI AMIRUDDIN

Pengetua, guru besar diberi kuasa tutup sekolah

KOTA BHARU 8 Jan. - Semua pengetua dan guru besar di Kelantan diberi kuasa untuk menutup sekolah sekiranya perlu bagi memastikan keselamatan pelajar dan guru terjamin berikutan banjir yang melanda negeri ini sekarang.

Pengarah Pelajaran Kelantan, Ismail Mohd. Noor berkata, para pengetua itu tidak semestinya hanya mengisytiharkan sekolah yang ditenggelami air ditutup, sebaliknya mereka boleh mengeluarkan arahan yang sama jika jalan perhubungan ke sekolah terputus atau premis sekolah digunakan untuk pemindahan mangsa banjir.

"Pertimbangan utama ialah soal keselamatan. Apabila jalan perhubungan terputus, tentunya ia akan membahayakan guru dan pelajar yang hendak ke sekolah.

"Selain itu, jika sekolah yang menjadi pusat pemindahan sementara mempunyai terlalu ramai mangsa banjir sehingga mengganggu pembelajaran, maka guru besar juga boleh mempertimbangkan untuk mengisytiharkan cuti," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Ismail menegaskan, semua cuti yang diambil itu hendaklah digantikan pada hari Sabtu seperti yang telah ditetapkan dalam Pekeliling Kementerian Pelajaran.

Sementara itu, beliau memberitahu, setakat hari ini, sebanyak 13 buah sekolah melibatkan tiga jajahan di negeri ini telah diisytiharkan ditutup buat sementara kerana banjir.

"Lima daripadanya terletak di jajahan Tanah Merah iaitu Sekolah Kebangsaan (SK) Sokor, SK Kampung Panjang, SK Tebing Tinggi, SK Kerala dari Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Kerala.

"Di Kuala Krai, tiga buah sekolah ditutup pada hari ini iaitu SK Sungai Mengkuang, SK Pasir Kelang dan SK Telekong kerana jalan perhubungan ke sekolah terputus dan sekolah-sekolah itu dijadikan pusat pemindahan," jelasnya.

Di Gua Musang pula, katanya banjir

"Bagaimanapun, sekolah-sekolah itu masih meneruskan pembelajaran seperti biasa kerana masih belum ada mangsa yang dipindahkan ke situ.

"Lagipun, mana-mana sekolah yang menjadi pusat pemindahan banjir tidak perlu ditutup selagi jumlah mangsa yang terlibat tidak menjejaskan pembelajaran para pelajar," ujarnya.